

25/08/2000

Masa depan lebih cerah bagi selatan Afrika

PERKONGSIAN pintar ditakrifkan sebagai mewujudkan suasana menang-menang, dengan setiap pihak yang terbabit memperoleh manfaat jangka panjang. Prasyarat ke arah perkongsian pintar ialah kewujudan persekitaran pintar yang mengandungi elemen pembabitan kerajaan menerusi perundingan dengan sektor perniagaan dan kesatuan sekerja, pembangunan manusia, memperkasa wanita, keharmonian kaum dan sikap saling dipercayai.

Sejak Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lima tahun lalu sehinggalah Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000 di Mozambique berakhir kelmarin, jelaslah konsep perkongsian pintar semakin difahami untuk dimanfaatkan oleh negara yang menyertainya. Mereka semakin sedar bahawa tindakan sesebuah negara membangun secara bersendirian tidak akan berkesan dalam menghadapi arus globalisasi. Sebaliknya, hasil perkongsian demikian, sudah ada kejayaan yang dikecapi.

Buktinya, Zimbabwe sudah memiliki pelbagai projek hasil kerjasama pelbagai negara di selatan Afrika sambil beberapa negara lain pula menunjukkan minat untuk mencontohnya. Daripada menghabiskan lebih banyak masa berpolitik sebelumnya, hubungan negara di selatan Afrika juga kini lebih rapat dalam meningkatkan ekonomi masing-masing. Keyakinan dan kefahaman lebih jelas mengenai konsep perkongsian pintar ini, termasuk mengambil kira pengalaman dan kejayaan Malaysia menerusi dasar persyarikatan Malaysia, turut menjanjikan masa depan lebih cerah dalam pembangunan ekonomi dan kebajikan rakyat negara terbabit.

(END)